

Lima faktor utama bantu giatkan pertanian negara

Oleh Nadzim Ahmad Jamalludin

BH - 5 APR 2001

Matlamat untuk membangunkan industri pertanian dan makanan yang komersial dan berdaya asing amat bergantung kepada penyertaan aktif sektor swasta.

SERDANG, Rabu — Kementerian Pertanian menggariskan lima faktor utama yang akan diberi penekanan dan mesti dilaksanakan dalam proses transformasi sektor pertanian.

Lima faktor utama itu ialah

- Penyertaan dan pelaburan sektor swasta
- Menyediakan faktor pemboleh, seperti tanah, kewangan, insentif, teknologi, pemasaran dan input pengeluaran
- Strategi komunikasi
- Pemindahan teknologi, dan
- Pembangunan daya saing.

Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi, berkata matlamat untuk membangunkan industri pertanian dan makanan yang komersial dan berdaya asing amat bergantung kepada penyertaan aktif sektor swasta.

Sehubungan itu, katanya,

oleh kerana sektor swasta akan menjadi pemangkin pertumbuhan sektor pertanian, Kementerian Pertanian akan berusaha mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menarik pelaburan dan sekaligus sektor pertanian akan memperoleh modal, kepakaran teknikal, kepakaran pengurusan serta kepakaran keusahawanan dari pelabur swasta.

Beliau berkata, seperti yang digariskan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), langkah-langkah akan diambil untuk menggiatkan semula sektor pertanian bagi meningkatkan sumba-

ngannya kepada pertumbuhan serta mewujudkan kekayaan.

“Penekanan akan diberi kepada pengeluaran makanan melalui pembabitan sektor swasta secara lebih besar dalam perladangan moden dan berskala besar, terutama dalam kawasan pengeluaran makanan kekal.

“Sumber baru pertumbuhan juga akan dibangunkan, terutama dalam keluaran barangan berasaskan herba yang bernilai tinggi, ikan hiasan dan bunga-bunga, industri bioteknologi serta pelancongan agro’ dan pelancongan ‘eco’.

“Usaha-usaha bagi menggalakkan pelaburan di luar negara untuk tanaman makanan dan ladang akan diteruskan bagi menjamin bekalan bahan mentah kepada industri dan makanan di samping mengambil peluang daripada kos pengeluaran yang lebih murah dan kewujudan sumber di luar negara,”

katanya. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar mengenai RRJP3 - Implikasi Kepada Sektor Pertanian di Ibu Pejabat Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) di sini, hari ini.

Sidang akhbar itu diadakan khas untuk memberi penerangan mengenai usaha yang dilakukan Kementerian Pertanian bagi menghadapi RRJP3 yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen semalam.